

Student Care Takaful

Takaful Brunei Keluarga Directory

Head Office

Unit 1 & 2, Kompleks Seri Kiulap, Kg. Kiulap
Gadong, Bandar Seri Begawan BE1518
Tel: +673 223 1100
Fax: +673 223 7045

Delima

Unit A1, Bangunan Desa Delima, Simpang 44
Kg. Pancha Delima, Jalan Muara BB4513
Tel: +673 223 1687/1654
Fax: +673 223 1671

Tutong

Unit 16 & 17, 1st Floor, OG Complex
Kg. Petani, Tutong, TA1411
Tel: +673 422 2875
Fax: +673 426 1194

Kuala Belait

Ground Floor, Plaza Sutera Biru
Jalan Sungai, Kuala Belait KA2331
Tel: +673 334 1083/4
Fax: +673 334 1082

Department of Labour

Ministry of Home Affairs
Bandar Seri Begawan, BB3910
Tel: +673 238 1461

TBK Claims Department

Tel: +673 223 1100 ext. 501/2
Fax: +673 223 7045
Mobile: +673 873 4885

TBK Call Centre
+673 223 1100



PERLINDUNGAN | PROTECTION



Perlindungan Takaful Bagi Belajar Di Luar Negara
Takaful Protection for Studying Abroad



Apa erti Takaful?

Sekumpulan peserta yang bersetuju untuk sama-sama menyumbang di dalam satu tabung bagi membantu sesama mereka yang ditimpa musibah seperti mana sistem 'Aqilah yang dipraktikkan di zaman Rasulullah S.A.W.

"Dan hendaklah kamu bertolong-tolongan untuk membuat kebajikan dan bertaqwa, dan janganlah kamu bertolong-tolongan pada melakukan dosa (maksiat) dan pencerobohan." (Al-Maidah: 2)

Takaful juga adalah salah satu saluran yang membolehkan individu berikhtiar untuk **saling bantu membantu bagi menghadapi dan berkongsi risiko serta menyediakan manfaat bagi mengurangkan beban kewangan sesama mereka**.

Student Care Takaful

Pelan ini menyediakan pembayaran balik untuk perbelanjaan kesihatan kepada peserta jika sekiranya menjalani rawatan disebabkan penyakit ataupun kemalangan. Pelan ini menyediakan perlindungan 24 jam seluruh dunia kecuali Amerika Syarikat, Canada dan Kepulauan Caribbean.

Pelan ini menyediakan bagi peserta manfaat perjalanan dari Brunei Darussalam ke negara pengajian dan sebaliknya.

Pelan ini menyediakan manfaat kematian dan keilatan kekal disebabkan kemalangan.

Pelan ini juga menyediakan manfaat tambahan kematian dan keilatan kekal sebagai ahli International SOS Pte Ltd. Perkhidmatan Bantuan Kecemasan 24 jam.

Jadual Manfaat

SC1: Manfaat Kesihatan		Had Maksima (BND)
No.	Perlindungan	
a	Bilik Hospital dan Penginapan i. Bilik Harian (Maksimum selama 45 hari) ii. Unit Rawatan Rapi (Maksimum selama 20 hari)	100 250
b	Perkhidmatan Pelbagai Hospital	2,000
c	Bayaran Pembedahan	11,000
d	Bayaran Bius	3,300
e	Lawatan-Lawatan Doktor di Dalam Hospital (Setiap hari maksimum selama 65 hari)	70
f	Perkhidmatan Diagnosa Pra-Hospital Dalam jangka masa 30 hari sebelum ke Hospital	350
g	Rundingan Doktor Pakar Pra-Hospital Dalam jangka masa 30 hari sebelum ke Hospital	350
h	Bayaran Ambulan	300
i	Rawatan Selepas Hospital Dalam jangka masa 30 hari setelah dikeluarkan	200
j	Rawatan Pesakit Luar Tertakluk kepada kos berlebihan \$100 setiap kali lawatan	1,000
k	Perbelanjaan Pengembuhan	700
l	Perbelanjaan Pemulangan Maksimum satu (1) destinasi sahaja	8,000
m	Pemindahan Kecemasan Perubatan, Pemulangan dan Pemulangan Jenazah	sehingga USD 1 Juta
n	Lawatan Ehsan (Maksimum satu tiket ulang-alik kelas ekonomi)	Full Cover
o	Perkhidmatan Bantuan Kecemasan 24 Jam	
Had Tahunan Keseluruhan		100,000
SC2: Manfaat Perjalanan		
a	Tanggungan Peribadi	50,000
b	Kehilangan/Kerosakan Bagasi (Tertakluk kepada akses \$30 setiap tuntutan)	1,000
c	Kelewatan Bagasi	750
d	Pembatalan Perjalanan	2,000
e	Pemendekkan Jadual Perjalanan	2,000
f	Kejadian Mogok dan Rampasan	500
g	Kehilangan / Kerosakan Komputer & Komputer riba	2,000
SC3: Kematian dan Keilatan Kekal Akibat Kemalangan		
a	Kematian Akibat Kemalangan	50,000
b	Keilatan Kekal Seluruh Tubuh Badan Akibat Kemalangan	50,000
SC4: Kematian dan Keilatan Seluruh Tubuh Badan		
a	Kematian	10,000
b	Keilatan Kekal Seluruh Tubuh Badan	10,000
SUMBANGAN TAHUNAN		423.65

SC1: PENJAGAAN KESIHATAN

a. (i) Bilik Hospital dan Penginapan

Manfaat Hospital akan dibayar apabila, atas perakuan seorang Doktor Berdaftar, Peserta telah didaftarkan sebagai pesakit dalaman di Hospital.

a. (ii) Unit Rawatan Rapi

Pembayaran balik kos harian yang dikenakan oleh Pihak Hospital, selama mana Peserta tinggal di Hospital sebagai pesakit dalaman di Unit Rawatan Rapi Hospital. Tempoh maksima yang akan dibayar tidak boleh melebihi tempoh maksima sebagaimana dinyatakan di dalam Jadual Manfaat.

b. Perkhidmatan Pelbagai Hospital

Selain daripada Manfaat Harian di bawah (a) di atas, manfaat perkhidmatan hospital khusus juga akan dibayar selama mana peserta telah didaftarkan sebagai pesakit dalaman di Hospital serta disediakan atau diberikan mana-mana perkhidmatan khusus yang biasanya diberikan oleh Hospital untuk rawatan keilatan tersebut.

Perkhidmatan Hospital Khusus ini termasuk perkara berikut:

- Penggunaan Bilik Bedah;
- Ubat-ubatan yang diambil di Hospital;
- Mencuci luka, Anduh Biasa dan Acuan Plaster;
- Pemeriksaan Makmal;
- Electrocardiograms;
- Ujian Basal Metabolisme;
- Terapi Fizikal;
- Terapi X-ray, Terapi Radium, Radium dan Isotop;
- Pemeriksaan X-ray;
- Infusi Intravena;
- Pentadbiran dan kos Darah atau Plasma Darah.

c. Bayaran Pembedahan

Sebagai tambahan kepada manfaat yang dibayar di bawah (a) dan (b), manfaat pembedahan akan dibayar mengikut jumlah yang dikenakan bagi pembedahan tersebut.

d. Bayaran Bius

Jumlah manfaat adalah jumlah yang dikenakan oleh pakar bius untuk membekalkan dan pengurusan bius tetapi tidak melebihi 30% daripada Bayaran Pembedahan yang dibayar balik.

e. Lawatan-Lawatan Doktor di Dalam Hospital

Sebagai tambahan kepada manfaat-manfaat di atas Syarikat akan membayar peserta yang mana memerlukan khidmat doktor berkaitan dengan rawatan kecederaan tubuh badan akibat kemalangan atau penyakit, bayaran yang munasabah dan kebiasaan untuk lawatan - lawatan yang dilakukan oleh doktor di hospital.

f. Perkhidmatan Diagnosa Pra-Hospital

Manfaat ini menyediakan bayaran balik kos yang dikenakan untuk X-ray diagnostik dan pemeriksaan Makmal sebagai Pesakit Luar sebagaimana diperakui oleh seorang Doktor Berdaftar berkaitan dengan keilatan yang disebabkan oleh kecederaan badan atau penyakit.

g. Rundingan Doktor Pakar Pra-Hospital

Syarikat akan membayar perbelanjaan sebenar yang telah dibayar oleh peserta untuk rundingan Doktor Pakar sebagai Pesakit Luar, tidak termasuk ubat-ubatan, sebagaimana diperakui oleh Doktor Berdaftar berikut suatu penyakit atau kecederaan. Tiada pembayaran akan diberikan jika dalam tempoh tiga puluh (30) hari selepas perundingan dengan Doktor Pakar, Peserta tidak perlu dimasukkan ke dalam Hospital atau diberi rawatan pembedahan.

h. Bayaran Ambulan

Membayar balik kos yang dikenakan untuk perkhidmatan ambulan, tetapi tidak melebihi jumlah maksima yang dinyatakan di dalam Jadual Manfaat.

i. Rawatan Selepas Hospital

Setelah keluar daripada Hospital, pembelanjaan yang dikenakan untuk rawatan susulan oleh doktor yang sama akan dibayar balik sehingga tempoh tiga puluh (30) hari selepas dikeluarkan daripada hospital tertakluk kepada manfaat maksima yang dinyatakan dalam Jadual Manfaat.

j. Rawatan Pesakit Luar

Perundingan dan rawatan utama, termasuk bayaran doktor, bayaran pengamal perubatan umum, ubat-ubatan yang dipreskripsi, prosedur diagnostik, patologi, radiografi, radiologi, radioterapi, kemoterapi dan fisioterapi oleh pakar tulang, pakar osteopati, pakar homeopati, pakar akupuntur apabila dirujuk oleh doktor.

k. Perbelanjaan Pengebumian

Sekiranya berlaku kematian ke atas peserta di bawah klausa ini, Syarikat akan membayar setelah terdapat bukti yang memuaskan perbelanjaan pengebumian kepada waris peserta dalam masa 24 jam.

I. Perbelanjaan Pemulangan

Syarikat tertakluk kepada terma di dalam klausa ini akan membayar setelah terdapat bukti yang memuaskan kepada peserta atau warisnya, manfaat untuk perbelanjaan pemulangan jika, dalam tempoh takaful peserta mengalami kecederaan tubuh badan atau penyakit yang mengakibatkan kematian atau dimasukkan ke wad Hospital di mana-mana hospital yang berlesen dan berdaftar di seluruh dunia bagi menerima rawatan dan seterusnya disahkan oleh Doktor Berdaftar yang merawat bahawa peserta tidak berupaya melakukan pekerjaannya.

Definisi: Perbelanjaan Pemulangan disifatkan sebagai pembayaran berpatutan yang dikenakan bagi:-

- Pemindahan peserta dari tempat pengajian ke Brunei Darussalam (terhad kepada satu destinasi sahaja) diikuti kecederaan tubuh badan/penyakit yang menyebabkan keilatan kekal peserta
- Pemindahan badan peserta dari tempat pengajian ke Brunei Darussalam (terhad kepada satu destinasi sahaja) disebabkan kecederaan tubuh badan/penyakit.

m. Pemindahan Kecemasan Perubatan, Pemulangan dan Pemulangan Jenazah

Syarikat melalui International SOS Pte Ltd akan menyediakan dan membayar khidmat bagi Pemindahan Perubatan Kecemasan, Pemulangan Perubatan Kecemasan dan Pemulangan Jenazah yang diakibatkan oleh kematangan, penyakit atau kematian Peserta yang berlaku semasa bermusafir di luar Brunei dalam tempoh perlindungan Takaful.

n. Lawatan Ehsan Kecemasan

Syarikat akan membayar kos yang dikeluarkan oleh Peserta untuk satu tiket kapal terbang kelas ekonomi dari tempat pengajian untuk mewalat ahli keluarga terdekat, yang berumur sehingga mencapai usia 75 tahun sekiranya keadaan perubatan yang menyebabkan ahli keluarga terdekat itu berada di dalam keadaan kritikal atau mati. Terhad kepada satu perjalanan pergi balik bagi seorang Peserta di dalam satu tahun pelan.

SC2: MANFAAT PERJALANAN

a. Tanggungan Peribadi

Membayar ganti rugi kepada peserta terhadap liabiliti perundangan kepada pihak ketiga disebabkan kecederaan kepada orang lain ataupun kerugian atau kerosakan harta benda orang lain disebabkan kemalangan.

b. Kehilangan/Kerosakan Bagasi

Syarikat menyediakan pampasan untuk kehilangan yang layak, pecah atau rosak kepada bagasi peserta atau harta peribadi yang dibawa bersama semasa perjalanan sehingga BND1,000 setiap barang yang terdapat akses BND30 setiap tuntutan.

c. Kelewatan Bagasi

Syarikat akan membayar sehingga jumlah yang dinyatakan dalam Jadual Manfaat untuk pembelian kecemasan barang-barang keperluan seperti pakaian atau keperluan-keperluan lain berikutan ketidaan sementara Bagasi sekurang-kurangnya 12 jam dari waktu sampai ke tempat tujuan disebabkan oleh penangguhan atau kesilapan penghantaran.

d. Pembatalan Perjalanan

Syarikat membayar pampasan kepada peserta terhadap kehilangan perjalanan atau deposit tiket kapal terbang atau bayaran untuk rancangan perjalanan lain yang tidak boleh dituntut balik daripada pengendali pelancongan atau syarikat penerbangan akibat daripada panggilan untuk menjadi saksi, perkhidmatan juri, sekatan kerajaan atau kuarantin wajib.

e. Pemendekkan Jadual Perjalanan

Syarikat memberi pampasan kepada peserta terhadap kerugian berdasarkan pro-rata untuk bahagian pengangkutan atau kos penginapan yang telah dibayar tetapi tidak digunakan termasuk dalam perjalanan dari Brunei Darussalam ke tempat pengajian dan sebaliknya yang timbul daripada pemendekkan jadual perjalanan yang perlu dan yang tidak boleh dielakkan akibat daripada kecederaan tubuh badan peserta atau penyakit atau daripada rampasan kapal terbang atau kenderaan di mana peserta melakukan perjalanan sebagai penumpang yang membayar tiket.

f. Kejadian Mogok dan Rampasan

Syarikat akan melindungi sehingga BND50.00 setiap hari sehingga had B\$500.00 jika perjalanan peserta tertunda atau terhalang dari sampai kepada tempat tujuan yang dijadualkan disebabkan sepenuhnya oleh tindakan terancang, atau rampasan berlaku semasa peserta berada di dalam kapal terbang atau kenderaan daruberlaku melebihi tempoh dua belas (12) jam.

g. Kehilangan / Kerosakan Komputer & Komputer riba

Syarikat akan melindungi kerosakan atau kehilangan sebuah Komputer riba / komputer dari bermula perjalanan hingga peserta sampai ke destinasi terakhirnya tertakluk kepada jumlah yang dinyatakan di dalam Jadual Manfaat.

SC3: KEMATIAN KEMALANGAN DAN KEILATAN KEKAL

Syarikat akan membayar kepada peserta atau warisnya jika sekiranya peserta mendapat kecederaan tubuh badan yang disebabkan oleh kemalangan ganas, dari luar dan dengan cara yang boleh dilihat yang mana kecederaannya semata-mata dan secara bebas daripada sebab-sebab lain yang mengakibatkan kematian atau keilatan kekal seluruh tubuh badan yang berlaku dalam tempoh 12 bulan daripada kecederaan tubuh badan tersebut.

SC4: KEMATIAN DAN KEILATAN KEKAL SELURUH TUBUH BADAN

Syarikat akan membayar kepada peserta atau warisnya sekiranya berlaku kematian atau keilatan kekal seluruh tubuh badan ke atas peserta tertakluk kepada pengecualian-pengecualian di dalam sijil.

Perhatian: Keilatan Kekal Seluruh Tubuh Badan bermaksud keilatan yang kekal yang berterusan tanpa terputus dalam jangka masa selama enam (6) bulan.

Bantuan Kecemasan 24 Jam

Syarikat telah melantik dan bekerjasama dengan International SOS Pte Ltd, satu syarikat antarabangsa untuk memberikan perkhidmatan bantuan kecemasan 24 jam jika sekiranya peserta mendapat kesulitan semasa di dalam perjalanan luar dari Negara Brunei Darussalam dalam tempoh perlindungan Takaful.

Skop Perkhidmatan

Program bantuan kecemasan yang dilindungi termasuk dalam perkhidmatan-perkhidmatan berikut kepada peserta semasa dalam perjalanan luar dari Negara Brunei Darussalam dalam tempoh perlindungan Takaful:

Bantuan Perjalanan

Perkhidmatan Maklumat Sebelum Perjalanan:

Untuk memberikan maklumat mengenai kerperluan visa dan vaksinasi bagi negara asing seluruh dunia.

Rujukan Kedutaan:

Untuk memberikan alamat, nombor telefon dan waktu beroperasi kedutaan atau konsulat yang berhampiran.

Bantuan Kehilangan Bagasi:

Untuk memberikan bantuan kepada peserta yang kehilangan bagasi semasa dalam perjalanan ke luar Negara Brunei Darussalam dengan mengarahkan peserta kepada pihak autoriti yang berkenaan.

Bantuan Kehilangan Pasport:

Untuk membantu peserta yang kehilangan pasport ketika berjalan di luar dari Negara Brunei Darussalam dengan mengarahkan peserta kepada pihak autoriti yang berkenaan.

Rujukan Jurubahasa:

Untuk memberi nama, alamat, nombor telefon dan waktu beroperasi jurubahasa seluruh dunia.

Rujukan Pengamal Undang-Undang:

Untuk memberi nama, alamat, nombor telefon dan waktu beroperasi pengamal undang-undang seluruh dunia.

Bantuan Perubatan

Bantuan Perubatan Melalui Telefon:

International SOS Pte Ltd akan menguruskan hal-hal mengenai perubatan kepada peserta melalui telefon.

Rujukan Perkhidmatan Perubatan:

International SOS Pte Ltd akan memberikan peserta maklumat mengenai doktor, hospital, klinik, doktor gigi dan klinik gigi seluruh dunia.

Menguruskan Pertemuan Degan Doktor:

International SOS Pte Ltd akan membantu peserta dengan menguruskan pertemuan dengan doktor pakar atau pengamal umum. International SOS tidak bertanggungjawab atau membayar bayaran konsultasi di mana ianya akan jadi tanggungjawab peserta.

Menguruskan Kemasukan ke Hospital:

Jika keadaan kesihatan peserta memerlukan untuk dimasukkan ke hospital bagi rawatan, International SOS Pte Ltd akan membantu peserta dengan urusan kemasukan hospital tersebut.

Pemantauan Keadaan Kesihatan Semasa Di Dalam Hospital:

Doktor International SOS Pte Ltd akan memantau keadaan kesihatan peserta semasa dimasukkan di dalam hospital.

Jaminan Tanggungan Kos Perubatan Semasa Di Dalam Hospital:

International SOS Pte Ltd, jika dibenarkan oleh Syarikat, akan menjamin kos perubatan semasa di dalam hospital bagi pihak Syarikat.

Urusan dan Pembayaran bagi Pemindahan Perubatan Kecemasan:

International SOS Pte Ltd akan menguruskan dan membayar perbelanjaan penghantaran melalui darat atau udara yang perlu dari segi perubatan, perlindungan perubatan semasa penghantaran, komunikasi dan segala kos yang termasuk di dalam proses pemindahan peserta yang di dalam kondisi kesihatan yang serius ke hospital terdekat atau di mana-mana perlindungan awam yang bersesuaian yang terdapat dan tidak semestinya di Negara Brunei Darussalam.

Urusan dan Pembayaran bagi Penghantaran Balik Perubatan Kecemasan:

International SOS Pte Ltd akan menguruskan dan membayar kos penghantaran balik yang sepatutnya dan yang tidak dapat dielak bagi pemulangan peserta ke Negara Brunei Darussalam atas pemindahan perubatan kecemasan bagi rawatan dalam hospital ke tempat di luar daripada Negara Brunei Darussalam.

Urusan dan Pembayaran Pemindahan Jenazah:

International SOS Pte Ltd akan menguruskan dan membayar semua perbelanjaan yang sepatutnya dan tidak dapat dielakkan bagi penghantaran jenazah peserta dari tempat kematian ke Negara Brunei Darussalam ataupun perbelanjaan pengebumian di tempat kematian yang disahkan oleh International SOS Pte Ltd.

Pusat Alarm International SOS 24 Jam
+65 6338-7800
Singapore

Pusat Alarm International SOS 24 Jam

Perkhidmatan International SOS di atas beroperasi 24 jam dalam Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris melalui pusatnya di Singapura.

Sila berikan maklumat pengenalan berikut:

(Sila rujuk kad StudentCare Takaful awda):

- Nama
- Nombor Sijil/Polisi

Tertakluk kepada terma dan syarat sijil Takaful Keluarga Sdn Bhd.



What is the meaning of Takaful?

A pact among a group of participants who agree to contribute to a fund to assist each other in the event of misfortune similar to the 'Aqilah system which was practised during the time of the Prophet Muhammad P.B.U.H.

"Help one another in Al-Birr and At-Taqwa (virtue, righteousness and piety); but do not help one another in sin and transgression." (Al-Maidah: 2)

Takaful is also a channel that allows individuals to take the initiative **to help one another to face and share risks together while providing benefits to ease financial burden between them.**



Student Care Takaful

This plan provides reimbursement of medical expenses to participant in the event of undergoing medical treatment due to illness or accident. This plan provides 24 hours worldwide coverage excluding United States America, Canada and Caribbean.

This plan provides participant with travel benefit from Brunei Darussalam to country of study and vice versa.

This plan provides Death and Total Permanent Disablement benefit due to Accident.

This plan provides additional Death and Total Permanent Disablement benefit.

Member of International SOS Pte Ltd.
24 hours Emergency Assistance Services.

Schedule of Benefit

SC1: HEALTH CARE BENEFIT		Maximum Limit per Disability (BND)
No.	Coverage	
a	Hospital Room & Board i. Daily (Max. up to 45 days) ii. Intensive Care Unit (Max. up to 20 days)	100 250
b	Miscellaneous Services	2,000
c	Surgical Fees	11,000
d	Anaesthetic Fees	3,300
e	In-Hospital Doctor's Visit Daily max. up to 65 days	70
f	Pre-Hospital Diagnosis Services Within 30 days prior to hospitalisation	350
g	Pre-Hospital Specialist Consultation Within 30 days prior to hospitalisation	350
h	Ambulance Fees	300
i	Post-Hospital Treatment Within 30 days after discharged	200
j	Out-Patient Treatment Per Year Subject to excess of \$100 per visit	1,000
k	Funeral Expenses	700
l	Repatriation Expenses Maximum of one (1) destination only	8,000
m	Emergency Medical Evacuation and Repatriation	up to USD 1 Million
n	Compassionate Emergency Leave (Maximum of one economy return airfare)	Full Cover
o	24 Hours Emergency Assistance Services	
OVERALL ANNUAL LIMIT		100,000
SC2: TRAVEL BENEFIT		
a	Personal Liability	50,000
b	Baggage Lost / Damage (Subject to deductible of \$30 per claim)	1,000
c	Baggage Delay	750
d	Trip Cancellation	2,000
e	Trip Curtailment	2,000
f	Strikes and Hijacks	500
g	Computer or Laptop Lost / Damage	2,000
SC3: ACCIDENTAL DEATH AND PERMANENT DISABLEMENT		
a	Accidental Death	50,000
b	Accidental Total Permanent Disablement	50,000
SC4: DEATH AND PERMANENT DISABLEMENT		
a	Death	10,000
b	Total Permanent Disablement	10,000
	ANNUAL CONTRIBUTION	423.65

SC1: Health Care Benefit

a. (i) Hospital Room and Board

A hospitalisation benefit shall be paid when, upon recommendation of a registered Medical Practitioner, the Participant is registered as a bed patient in a hospital.

a. (ii) Intensive Care Unit

Reimbursement of daily charges made by the hospital, during confinement as a bed patient in the Intensive Care Unit of the hospital. The maximum period payable shall not exceed the maximum stated in the Schedule of Benefits.

b. Hospital Miscellaneous Services

In addition to the daily Benefit under (a) above, a special hospital service benefit shall be paid during the time that the Participant is registered as a bed patient in a hospital and is furnished/rendered any special hospital service which is regularly given by the hospital for treatment of that disability.

The special hospital services shall include the following:

- Using of Operating Room;
- Drugs and Medicines consumed on premises;
- Dressing, Ordinary splints and Plaster Casts;
- Laboratory Examinations;
- Electrocardiograms;
- Basal Metabolism Tests;
- Physical Therapy;
- X-Ray Therapy, Radium Therapy, Radium and Isotopes;
- X-Ray Examinations;
- Intravenous Infusions;
- Administration and the cost of Blood or Blood Plasma.

c. Surgical Fees

In addition to the benefits payable under (a) and (b) above, a surgical benefit will be paid in an amount equal to the sum actually charged for such operation.

d. Anaesthetic Fees

An amount equal to the actual fees charged by an anaesthetist for the supply and administrative of anaesthesia but not exceed 30% of the Surgical Fee reimbursed.

e. In-Hospital Doctor's Visit

In addition to the above benefits, the company will pay the Participant, who requires the services of a registered Medical Practitioner in connection with the treatment of accidental bodily injury or sickness, the regular and customary charges for visits made by the Registered Medical Practitioner to the hospital.

f. Pre-Hospital Diagnostic Services

This benefit provides reimbursement of charges incurred for outpatient diagnostic X-Ray and Laboratory examinations recommended by a Registered Medical Practitioner in connection with disability from bodily injuries or sickness.

g. Pre-Hospital Specialist Consultation

The Company will pay the actual expenses incurred by the Participant for outpatient specialist consultation; excluding medication, which are recommended by a Registered Medical Practitioner arising from an illness or injury. However, no payment shall be made if within thirty (30) days after the 'Specialists' consultation, hospitalization or surgical treatment are not required.

h. Ambulance Fees

Reimburse expenses incurred for ambulance services but not exceed the maximum stated in the Schedule of Benefits.

i. Post-Hospital Treatment

Following discharge from hospital expenses incurred for follow-up treatment by the same physician will be reimbursed up to a period of thirty (30) days immediately following discharge from hospital subject to maximum benefit stated in the Schedule of Benefits.

j. Outpatient Treatment

Primary consultation and treatment, including doctor's, general medical practitioner's fees, prescribed medicines and drugs, diagnostic procedures, pathology, radiography, radiology, radiotherapy, chemotherapy, physiotherapy. By chiropractors, osteopaths, homeopaths, acupuncturists when referred by a doctor, general medical practitioner (GP) or physician.

k. Funeral Expenses

The events of death of the Participant under this clause, the Company shall pay upon satisfactory proof funeral expenses to the Participant's beneficiary within 24 hours.

I. Repatriation Expenses

The Company will subject to the Terms of this clause shall pay upon satisfactory proof, the Participant or his/her beneficiary for the repatriation expenses if during the Period of Takaful participant shall sustain bodily injury or sickness resulting in death or hospitalisation as an in-patient in any registered and licensed hospital worldwide for treatment and subsequently certified by the attending Registered Medical Practitioner to be unfit to attend to the Participant's course.

Definition: Repatriation Expenses are deemed to be reasonable charges incurred for:-

- The transportation of the Participant from place to study to Brunei Darussalam (limited to 1 destination only) following bodily injury/sickness which results in his/her total permanent disablement.
- Transportation of the body to the participant from place of study to Brunei Darussalam (limited to 1 destination only) following bodily injury/sickness.

m. Emergency Medical Evacuation and Repatriation

The Company through International SOS Pte Ltd will provide and will pay for service in respect of Emergency Medical Evacuation, Emergency Medical Repatriation and Repatriation of Mortal Remains necessitated by accident, illness or death of the Participant occurring when Participant is traveling outside Brunei Darussalam for period of Takaful.

n. Compassionate Emergency Visit

The Company will pay one economy class return airfare from place of study to visit a closed family member up to the age of 75 years in the event of medical condition resulting close family member being placed on critical list or his/her death. Limited to one return journey per year.

SC2: Travel Benefit

a. Personal Liability

Indemnify the Participant against legal liability to a third party arising from accidental injury to another person or accidental loss or damage to another person's property.

b. Baggage Lost / Damage

The Company provides indemnity for eligible loss, breakage or damage the Participant's baggage or personal property carried on the journey up to B\$1,000 per item subject to deductible of \$30 per claim.

c. Baggage Delay

The Company will pay up to the amount shown in the Schedule of Benefits for emergency purchase of essential items of clothing or requisites consequent upon temporary deprivation of baggage for at least 12 hours from the date of arrival at destination due to delay or misdirection in delivery.

d. Trip Cancellation

The Company indemnifies the Participant against losses of trip or airfare deposits or payments for other travel arrangements which are irrecoverable from the tour operators or airline concerned arising from witness summons, jury service, government restrictions or compulsory quarantine.

e. Trip Curtailment

The Company indemnifies the Participant against loss on a pro-rata basis of the unused portion of pre-paid transport or accommodation charges included in the trip from Brunei Darussalam to place of study and vice versa arising from necessary and unavoidable curtailment of the trip as a direct result of bodily injury or sickness of the Participant or of the hijack of an aircraft or conveyance in which the participant is traveling as a fare-paying passenger.

f. Strikes and Hijacks

The Company will cover up to B\$50 each day up to limit of \$500.00 if the Participant is delayed or prevented from reaching scheduled destination wholly due to hijack occurring while the Participant is on board an aircraft or conveyance for more than 12 hours in duration.

g. Computer or Laptop Lost / Damage

The Company will cover the damage or lost of a laptop / computer from the start of traveling until the Participant reaches its final destination subject to amount stated in Schedule of Benefits.

SC3: Accidental Death and Permanent Disablement

The Company will pay the Participant or his/her beneficiary in the event he/she shall sustain bodily injury caused by violent accident, external and visible means which injury shall solely and independently of any other cause result in death or total permanent disablement respectively within 12 calendar months of the bodily injury.

SC4: Death and Permanent Disablement

The Company will pay the participant or his/her beneficiary in the event of death or total permanent disablement respectively subject to exclusion in the policy.

Note: Total Permanent Disablement is defined as permanent one that continues uninterruptedly for a period of at least six (6) months.

24 Hours Emergency Assistance

The Company have appointed and engaged in International SOS Pte Ltd, an international company to provide 24 hours Emergency Assistance Service in case the participant encounter difficulties whilst travel outside Brunei Darussalam during period of Takaful.

Scope of Services

The indemnified emergency service programme includes the following services for the Participant when travelling outside Brunei Darussalam during the period of Takaful.

Travel Assistance

Pre-trip Information Services:

To provide information concerning visas and inoculation requirements for foreign countries worldwide.

Embassy Referral:

To provide the address, telephone number and hours of opening of the nearest appropriate consulate and embassy worldwide.

Lost Luggage Assistance:

To assist the Participant who has lost his/her luggage while traveling outside Brunei Darussalam by referring the Participant to the appropriate authorities involved.

Lost Passport Assistance:

To assist the Participant who has lost his/her passport while traveling outside Brunei Darussalam by referring the Participant to the appropriate authorities involved.

Interpreter Referral:

To provide the name, address, telephone number and office hours of interpreter worldwide.

Legal Referral:

To provide the name, address, telephone number and office hours for lawyers and legal practitioners worldwide.

Medical Assistance

Telephone Medical Advice:

International SOS Pte Ltd will arrange for provision of medical advice to the Participant over the telephone.

Medical Service Provider Referral:

International SOS Pte Ltd will provide the Participant with information about physicians, hospitals, clinics, dentist and dental clinics worldwide.

Arrangement of Appointment with Doctors:

International SOS Pte Ltd will assist the participant by arranging for appointments with general practitioners or specialised doctors. International SOS will not be responsible or pay for the consultation fees which will be the responsibility of the Participant.

Arrangement of Hospital Admission:

If the medical condition of the Participant is of such gravity as to require hospitalisation, International SOS Pte Ltd will assist the Participant by arranging for hospital admission.

Monitoring of Medical Condition when Hospitalisation:

International SOS Pte Ltd doctors will monitor the Participant medical condition when being hospitalised.

Guarantee of Medical Expenses Incurred During Hospitalisation:

International SOS Pte Ltd will, when authorised by the Company, assist the Participant by guaranteeing on behalf of the Company medical expenses incurred during his/her hospitalisation.

Arrangement and Payment of Emergency Medical Evacuation:

International SOS Pte Ltd will arrange and pay for the medically necessary expenses of air and / or surface transportation, medical care during transportation, communications and all usual ancillary charges incurred in moving the Participant when in a serious medical condition to the nearest hospital where appropriate medical care is available and not necessarily to Brunei Darussalam.

Arrangement and Payment of Emergency Medical Repatriation:

International SOS Pte Ltd will arrange and pay for the expenses necessarily and unavoidably incurred in returning the Participant to Brunei Darussalam following an emergency medical evacuation for subsequent in-hospital treatment to a place outside Brunei Darussalam.

Arrangement and Payment of Repatriation of Mortal Remains:

International SOS Pte Ltd will arrange and pay for all expenses reasonably and avoidably incurred for transporting the Participant's mortal remains from the place of death to Brunei Darussalam or the cost of local burial at the place of death as approved by International SOS Pte Ltd.

24 Hours

International SOS Alarm Centre

+65 6338 – 7800

Singapore

International SOS 24 Hours Alarm Centre

The above International SOS services will be rendered on a 24-hours basis in Bahasa Melayu and English through their centre in Singapore.

Please quote the following for Identification

(Refer to your StudentCare Takaful Card):

- Your Name**
- Policy Number**

Subject otherwise to Terms and Conditions of Takaful Brunei Keluarga Sdn Bhd Certificate.